

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
(BUKIT GANTANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.03.2015**

**Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai rampasan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia sepanjang tahun 2013 dan 2014 dan berapakah nilai barang lelongan kastam yang diperoleh sepanjang tahun yang sama.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai rampasan bagi tahun 2013 oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebanyak RM646.5 juta manakala bagi tahun 2014 nilainya adalah RM726.6 juta.

2. Bagi nilai barang lelongan yang diperolehi oleh JKDM, bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM13.86 juta dan bagi tahun 2014 pula, jumlahnya adalah sebanyak RM9.14 juta.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. MICHAEL  
JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 30.03.2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 47**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan mengapa bekalan elektrik masih belum dipasang ke rumah-rumah penduduk di Kg. Jong, Sungai Siput.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah meminta Tenaga Nasional Berhad (TNB) membuat siasatan tapak dan menyediakan anggaran kos untuk penyambungan bekalan elektrik ke Kg. Jong, Sungai Siput, Perak. Sekiranya penyambungan bekalan elektrik ke kampung ini memenuhi skop program Bekalan Elektrik Luar Bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian, maka kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik akan dilaksanakan pada bulan Jun 2015.